

Lahirkan Asia Tenggara lebih bersatu: Dr M

BH 15 APR 1994

Daripada A Nazri Abdullah (M) MAHATHIR OUEASAP.

PHONM PENH, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berharap Kemboja mengerti langkah Laos dan Vietnam untuk menyertai Asean bagi melahirkan sebuah Asia Tenggara yang bersatu dan kuat.

Peluang untuk negara-negara di Asia Tenggara bekerjasama ke arah melahirkan rantau yang harmoni sudah tiba dengan wujudnya keamanan di negara Kemboja, Laos dan Vietnam.

Laos dan Vietnam sudah pun mengambil langkah untuk menyertai Asean dan kedua-dua negara kini menjadi

pemerhati di sidang puncak Asean.

"Masanya sudah tiba untuk mewujudkan Asia Tenggara yang lebih bersatu. Asia Tenggara yang bersatu akan menjadikan kita lebih kuat untuk menghadapi cabaran pada masa depan," katanya ketika berucap di Majlis Santapan Negara sempena lawatan rasmi beliau ke Kemboja yang bermula hari ini.

Perdana Menteri berkata, satu hari nanti semua 10 negara di Asia Tenggara (termasuk Myanmar) akan menyertai Asean.

"Dengan itu kita dapat bekerjasama dengan negara-ne-

gara lain di Asia Timur bagi memajukan rantau ini sebagai rantau yang progresif, maju dan berdaya tahan," katanya.

Menyentuh hubungan dua negara, Perdana Menteri berharap hubungan yang diasaskan sejak lebih tiga puluh tahun lalu akan diperkuatkan melalui pembabitan sektor swasta di kedua-dua negara.

Beliau memberi jaminan Malaysia akan mengambil apa sahaja langkah bagi meningkatkan perhubungan di antara rakyat kedua-dua negara.

"Kerajaan Malaysia akan

terus memberi kerjasama membantu Kemboja membangun semula ekonominya yang terjejas akibat peperangan. Ketika ini, Kerajaan Malaysia melalui program teknikal dan kebudayaan menyediakan bantuan dan latihan kepada Kemboja termasuk melatih juruterbang. Malaysia juga membantu memajukan sistem pengairan di Kemboja," katanya.

Sebanyak 11 svarikat Malaysia sudah melabur di Kemboja dalam bidang perdagangan, hotel dan perabot dengan nilai pelaburan kira-kira RM40 juta. Jumlah daga-

LIHAT MUKA 2

Lahirkan Asia Tenggara lebih bersatu

BH 15 APR 1994

DARI MUKA 1

ngan dua hala Malaysia Kemboja masih kecil iaitu kira-kira RM60 juta.

Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang disertai lebih 60 ahli perniagaan Malaysia tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Poyentong di sini kira-kira jam 9 pagi waktu tempatan. Beliau disambut oleh Perdana Menteri Pertama, Krom Treah Norodom Ranariddh dan Perdana Menteri kedua, Hun Sen.

Selepas meletak kalungan bunga di Tugu Kemerdekaan, Perdana Menteri dan isteri mengunjungi Raja Norodom Sihanouk diikuti dengan makan tengah hari di Istana. Petang tadi Perdana Menteri mengadakan perbincangan dua hala dengan kedua-dua Perdana Menteri Kemboja.

Raja Norodom yang menjalani rawatan di Korea Selatan pulang ke tanah air semata-mata untuk berbincang dengan Dr Mahathir.

Walaupun lawatan Perdana Menteri jatuh pada hari perayaan Tahun Baru Kemboja, segala persiapan dan atur cara diteruskan seperti biasa.

Menurut Perdana Menteri, perbincangan beliau dengan kedua-dua Perdana Menteri Kemboja amat bermakna dan beliau kagum dengan iltizam Kerajaan Kemboja untuk memaju serta melahirkan keamanan dan stabiliti di Kemboja.

"Saya yakin persahabatan dan kerjasama Malaysia Kemboja akan ditingkatkan selepas lawatan ini.

"Saya datang ke Phonm Penh dengan harapan mencipta rangka kerja yang baru bagi melahirkan kerjasama berkekalan di antara Kemboja-Malaysia dan negara-negara lain di Asia Tenggara. Matlamat kita ialah kerjasama serantau," katanya.

Perdana Menteri mengakhiri ucapannya dengan menjemput kedua-dua Perdana Menteri Kemboja melawat Malaysia.